



Lurah

Bilut



FELDA *Sepintas Lalu*

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA) telah ditubuhkan pada **1 Julai 1956** di bawah **Ordinan Kemajuan Tanah 1956** dengan objektif **membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar.**

Sejak tahun 1958 hingga tahun 1990, seramai **112,635 peneroka** telah ditempatkan di seluruh Rancangan FELDA. Mulai tahun 1996 kerajaan tidak lagi menyalurkan apa-apa peruntukan kepada FELDA dan telah memberi **kepercayaan kepada FELDA untuk berdiri dengan kewangan sendiri** serta menjadi sebuah badan berkanun yang boleh menjana pendapatan melalui pelbagai perniagaannya.

1 JULAI 1956
Penubuhan FELDA



112,635 orang

Peneroka telah ditempatkan di seluruh Rancangan FELDA sejak tahun 1958 hingga tahun 1990



317 buah
Rancangan



450,652.12 hektar
Luas Ladang Peneroka



31,950.93 hektar
Luas Ladang FELDA



FELDA LURAH BILUT
Rancangan Pertama (1958)



FELDA PALONG 16

Rancangan Terakhir Semenanjung Malaysia (1989)



FELDA SAHABAT 2

Rancangan Terakhir Malaysia Timur (1990)



Latar Belakang

DAN SEJARAH

Pada awal penubuhan, FELDA merupakan sebuah institusi yang menyalurkan peruntukan kewangan kepada kerajaan Negeri.



Setelah itu, FELDA mula memainkan peranan sebagai agensi pembangunan tanah.

Pengambilalihan Rancangan Lurah Bilut daripada Kerajaan Negeri Pahang oleh FELDA pada tahun 1958.



Tanah Lembah Bilut subur dipenuhi hutan yang kaya dengan kayu-kayan berharga.

Imigran dari Minangkabau merupakan populasi awal yang mendiami sepanjang Sungai Bilut sejak kurun ke-16. Aktiviti utama mereka adalah mencari emas dan bijih timah.

Ancaman komunis turut menyebabkan masyarakat ini tidak mempunyai penempatan yang kekal.

Pahang Natural Resources Board (PNRB) mendapati kawasan Ulu Kelau, Hilir Kelau dan Lembah Bilut berpotensi untuk dimajukan.

Lembah Bilut yang kemudiannya dikenali dengan nama Lurah Bilut dibangunkan pada 1 April 1958 ditadbir melalui Perbadanan Kemajuan Tanah Lurah Bilut mengikut peruntukan Ordinan Kemajuan Tanah 1956 di bawah Seksyen 42.

Pengurus pertama Felda Lurah Bilut (1958-1959) adalah Encik Charles Ding.

Pengambilan kumpulan pertama peneroka ke Lurah Bilut pada Ogos 1959.

Rancangan Lurah Bilut



- Terletak di dalam Daerah Bentong, iaitu 20 km dari Bandar Bentong dan 215 ke barat Kuantan.
- Mempunyai keluasan 2,676.06 hektar.
- Terdiri daripada 616 orang keluarga yang datang dari seluruh pelosok tanah air.
- Merupakan sebuah kawasan lembah di Banjaran Titiwangsa bersempadan Sungai Bilut dan Hutan Simpan Klau.

Projek Rintis FELDA 2.0

LEMBAH DIGITAL BILUT



KOMUNITI

- Menggalakkan penglibatan komuniti secara menyeluruh
- Pembangunan bakat dan modal insan

- Mewujudkan ekosistem e-perniagaan yang lebih kompetitif
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk generasi baharu FELDA

EKONOMI



- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semulajadi
- Pengindahan sungai
- Penanaman semula pokok



ALAM SEKITAR

INFRASTRUKTUR




- Memastikan keterhubungan internet berkelajuan tinggi serta jaringan jalan raya
- Penambahbaikan Muzium Felda Lurah Bilut
- Mewujudkan *co-working space* untuk merencanakan aktiviti e-perniagaan
- Pembinaan pintu gerbang, pusat info, Dataran Tun Razak serta pejabat rancangan yang lebih indah

Rangkaian Internet

BERKELAJUAN TINGGI

Felda Lurah Bilut telah dipilih sebagai perintis kepada pelaksanaan transformasi FELDA 2.0. Salah satu aspek penting pelaksanaan ini adalah Infrastruktur Internet Berkelajuan Tinggi yang disediakan oleh Telekom Malaysia (TM) sebagai penyedia perkhidmatan utama telekomunikasi di Malaysia.

Perkhidmatan yang disediakan ini merentasi keseluruhan kawasan penempatan di Felda Lurah Bilut tanpa sebarang had atau kekangan akses kepada internet. Ini membolehkan pelbagai elemen seperti transaksi perniagaan, hubungan komunikasi, penggunaan gajet dan komuniti dapat ditransformasi kepada metodologi digital supaya dapat memberi impak maksimum selaras dengan Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia.



Fakta Menarik



01



Pembukaan hutan oleh peneroka sendiri

02



Laluan utama penganas komunis pada tahun 50-an

03




Masyarakat berbilang kaum

04

Sekolah Wawasan pertama yang menjadi model dalam pembentukan sekolah wawasan di seluruh Malaysia



05



Terletaknya Muzium Felda Lurah Bilut yang menyimpan sejarah FELDA

Nama Bilut berasal daripada ikan Bilut

06

